

13 DEC 1997

Abdullah-Suharto

KETIDAKHADIRAN SUHARTO AKAN DIRASAI, KATA MENTERI LUAR MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengesahkan bahawa Indonesia tidak akan diwakili oleh Presiden Suharto pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean bermula Isnin ini.

Bagaimanapun, beliau berkata jika Suharto membuat keputusan saat-saat akhir untuk menghadiri sidang kemuncak tiga hari itu, tiada masalah untuk membuat persediaan untuk beliau.

"Saya tidak tahu jika beliau akan (membuat keputusan saat-saat akhir) untuk datang," katanya ketika ditanya para pemberita berhubung khabar angin bahawa Suharto mungkin menghadiri mesyuarat itu.

Abdullah berkata demikian selepas perasmian persidangan "Sektor Swasta Menyanjung Asean" bagi memperingati ulangtahun ke-30 penubuhan Asean dan bersempena Sidang Kemuncak Asean oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dekat sini.

Semalam, Menteri Sekretaris Negara Indonesia, Murdiono, dipetik sebagai berkata di Jakarta bahawa Suharto tidak akan menghadiri sidang kemuncak itu setelah dinasihati doktor supaya membatalkan perjalanannya kerana ia akan meletihkan beliau.

Murdiono berkata Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, akan mewakili Suharto pada sidang kemuncak itu.

Abdullah berkata pemimpin-pemimpin lain Asean akan merasai ketidakhadiran Suharto pada sidang kemuncak itu kerana "beliau merupakan pemimpin yang paling kanan."

"Tetapi, dari segi kehadiran Indonesia, tetap ada," katanya.

Ketika ditanya sama ada ketua-ketua negara atau kerajaan Asean akan mengeluarkan kenyataan berasingan mengenai krisis mata wang dan saham yang dihadapi rantau ini pada akhir sidang kemuncak itu, Abdullah berkata beliau tidak boleh mengulas mengenainya.

Asean dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. --BERNAMA

ES NAK